




**LAPORAN TAHUNAN &  
PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG  
PERLINDUNGAN  
DATA PERIBADI  
2018**



# ISI KANDUNGAN

<b>Sidang Editorial</b>	<b>3</b>
<b>Sudut Pandangan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia</b>	<b>4</b>
<b>Maklumat Korporat</b> 🔒 <b>Visi, Misi dan Objektif</b>	<b>5</b>
<b>Carta Organisasi</b> 🔒 <b>Carta Organisasi</b>	<b>6</b>
🔒 <b>Kumpulan Pengurusan</b>	<b>7</b>
<b>Pengenalan Akta 709</b>	<b>11</b>
🔒 <b>Latar Belakang</b>	<b>12</b>
🔒 <b>Tujuan</b>	<b>12</b>
🔒 <b>7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi</b>	<b>14</b>
🔒 <b>Hak-hak Subjek Data</b>	<b>15</b>
<b>Aktiviti Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia</b>	<b>17</b>
<b>Diari 2018</b>	<b>39</b>
<b>Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi Malaysia Tahun Berakhir 2018</b>	<b>49</b>



**Cetakan Pertama, 2019**

## **Hak Cipta Terpelihara Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia, 2018**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia,

Lot 4C9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62100 Putrajaya, Malaysia

Laman web : <http://www.pdp.gov.my>

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam Penerbitan Malaysia.

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Buku Laporan Tahunan: Laporan Tahunan & Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi

ISSN 2289-8751

Judul : Laporan Tahunan & Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi 2018





« » » » »  
**SIDANG EDITORIAL**



**KETUA EDITOR**  
**NURZALIZAH KARTINI ABDULLAH**  
KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**PENGARANG**  
**EFFIZURAIDAH ABDUL LATIP**  
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM

**PENOLONG PENGARANG**  
**NURUL ASFARINA MOHD AZNAN**  
PENOLONG PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM

**PEGAWAI TEKNIKAL / JURUFOTO / EDARAN**  
**MUHAMAD HAZRIN JOHAR**



## SUDUT PANDANGAN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera,*

Tahun 2018 sekali lagi memperlihatkan kematangan dan kecemerlangan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (Pejabat Pesuruhjaya) dalam mengawal selia pemprosesan data peribadi oleh pengguna data yang terlibat dalam urus niaga komersial supaya tidak disalah guna oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Hari ini data peribadi dilihat sebagai satu komoditi yang bernilai tinggi dan boleh diniagakan. Oleh itu, kita harus berhati-hati dalam berkongsi maklumat terutamanya di media-media sosial seperti Facebook, Whatsapp dan Twitter kerana ia boleh mengundang pelbagai risiko. Pendedahan maklumat tanpa sedar kerana keghairahan memuatnaik status atau lokasi akan membuka ruang dan peluang kepada pihak ketiga untuk mengambil kesempatan.

Dalam hal ini, pelbagai program dan aktiviti seiring dengan perkembangan teknologi terkini telah dilaksanakan oleh Pejabat Pesuruhjaya pada tahun 2018 bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai perlindungan data peribadi. Sekalung tahniah dan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen seluruh warga Pejabat Pesuruhjaya dalam membantu memperkasakan peranan Pejabat Pesuruhjaya selaras dengan Malaysia baharu.

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, tahun 2019 dilihat akan lebih mencabar. Sehubungan dengan itu, perancangan rapi perlu dipastikan supaya tugas dan fungsi Pejabat Pesuruhjaya dapat diperkasakan dengan lebih baik dan mampan dalam berdepan dengan senario baru.

Justeru, Pejabat Pesuruhjaya akan menekankan kepada langkah penguatkuasaan yang lebih proaktif pada masa hadapan bagi memastikan hak rakyat terbelas secara amnya. Semoga kedatangan tahun ini akan memperkasakan lagi fungsi dan peranan Pejabat Pesuruhjaya seiring dengan matlamat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Syabas dan tahniah juga kepada Sidang Editor Pejabat Pesuruhjaya dalam usaha menerbitkan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi 2018.

Sekian terima kasih.

**Rosmahyuddin bin Baharuddin**

Timbalan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi





## PENGENALAN

Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (Pejabat Pesuruhjaya) merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Pejabat Pesuruhjaya ditubuhkan pada 16 Mei 2011 selepas Kabinet meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709.

## FUNGSI

Tanggungjawab utama Pejabat Pesuruhjaya ini adalah untuk mengawal selia pemrosesan data peribadi yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh Pengguna Data supaya tidak disalah guna dan disalah pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Keselamatan data peribadi pengguna perlu dilindungi bagi mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemrosesan data peribadi individu, awam dan swasta di Malaysia dalam transaksi komersial, ianya selaras dengan peruntukkan Akta 709.



## OBJEKTIF

Menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

## VISI

Peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai negara maju yang selari dengan agenda transformasi negara.

## MISI

Mengawal selia perlindungan data peribadi untuk mewujudkan kepercayaan di kalangan perniagaan dan pengguna yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan transaksi komersial.



# CARTA ORGANISASI

## PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA





 KUMPULAN  
PENGURUSAN



**ROSMAHYUDDIN BAHARUDDIN**  
**TIMBALAN PESURUHJAYA**



**ZANARIAH BINTI ABDUL MALEK**  
PENOLONG PESURUHJAYA  
BAHAGIAN PEMANTAUAN



**NOR AFIZA BINTI MOHARAM**  
PENOLONG PESURUHJAYA  
PEMANTAUAN 1



**MASTURA ABD. RAHIM**  
PENOLONG PESURUHJAYA  
PEMANTAUAN 2



**A. RAFIZ**  
PENOLONG PESURUHJAYA  
UNIT SIASATAN



**NOREEN ISZANI YUSAK**  
PENOLONG PESURUHJAYA  
UNIT PENDAFTARAN



**SHARIL MAZMI MOHD SHARIF**  
PENOLONG PESURUHJAYA  
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT



**NURZALIZAH KARTINI ABDULLAH**  
KETUA KOMUNIKASI KORPORAT





# PENGENALAN AKTA 709





# PENGENALAN AKTA 709

## LATAR BELAKANG

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) merupakan salah satu perundangan siber yang diperakukan dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia. Akta ini merupakan matlamat dasar kesepuluh dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia. Ianya telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013.



## TUJUAN

Mengawalselia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial bagi melindungi data peribadi seseorang Subjek Data (orang awam). Ianya terpakai kepada organisasi/ individu yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial contohnya bank, syarikat telekomunikasi, insuran, hospital dan sebagainya.

## KEPENTINGAN AKTA

- ❖ Meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dengan penguatkuasaan yang berterusan.
- ❖ Mengelakkan dan mengurangkan risiko ketirisan data peribadi.
- ❖ Meningkatkan kecekapan dan tadbir urus data peribadi.
- ❖ Memastikan data peribadi diuruskan dengan berhemah dan berintegriti





# APA ITU DATA PERIBADI





# 7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

## 01 PRINSIP AM

Pengguna data tidak boleh memproses data peribadi TANPA persetujuan subjek data.



## 03 PRINSIP PENZAHIRAN

Tiada data peribadi boleh dizahirkan kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan subjek data.



## 04 PRINSIP KESELAMATAN

Pengguna data hendaklah mengambil langkah-langkah yang praktikal untuk melindungi data peribadi daripada hilang, salah guna, akses yang tidak dibenarkan.



## 06 PRINSIP INTEGRITI DATA

Pengguna data perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.



## 07 PRINSIP AKSES

Subjek data hendaklah diberi akses kepada data peribadinya dan boleh menuntut jika data peribadi itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini.



## 02 PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN

Pengguna Data hendaklah memaklumkan kepada data subjek tujuan data peribadinya diproses, hak untuk mengakses penzahiran kepada golongan pihak ketiga dan pilihan sama ada wajib atau tidak untuk memberikan data peribadi tersebut serta akibat sekiranya gagal memberikan data peribadi tersebut.



## 05 PRINSIP PENYIMPANAN

Data peribadi tidak boleh disimpan lebih lama dari tempoh yang diperlukan dan perlu dimusnahkan atau dipadam secara kekal jika tidak lagi diproses.





# HAK-HAK SUBJEK DATA


HAK UNTUK  
MENGHALANG  
PEMROSESAN BAGI  
MAKSUD PEMASARAN  
LANGSUNG



HAK UNTUK  
MENGHALANG  
PEMROSESAN  
YANG MUNGKIN  
MENYEBABKAN  
KEROSAKAN ATAU  
DISTRESS



HAK UNTUK  
MEMBUAT  
PEMBETULAN



HAK UNTUK  
MENARIK BALIK  
PERSETUJUAN



HAK UNTUK  
MENGAKSES








**AKTIVITI  
PEJABAT PESURUHJAYA  
PERLINDUNGAN DATA  
PERIBADI**





# PEMATUHAN DAN PENGUKUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

Dalam melaksanakan fungsi Akta 709, Golongan Pengguna Data perlu berdaftar dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi bagi mendapatkan perakuan pendaftaran. Sehingga tahun 2018, terdapat 13 Golongan Pengguna Data yang perlu berdaftar berdasarkan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 dan perintah pindaan 2016 seperti berikut:



**1** Komunikasi



**2** Perbankan  
dan Institusi  
Kewangan



**3** Insurans



**4** Kesihatan




**5** Pelancongan  
dan Hospitaliti




**6** Pengangkutan



**7** Pendidikan



**8** Jualan  
Langsung




**9** Perkhidmatan



**10** Hartanah



**11** Utiliti




**12** Pajak Gadai



**13** Pemberi  
Pinjam Wang

Golongan Pengguna Data sedia ada akan ditambah daripada semasa ke semasa bagi memastikan semua Pengguna Data mengendalikan data peribadi dengan lebih berhemah dan berintegriti. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 800 pendaftaran baru Pengguna Data telah diterima yang terdiri daripada 13 Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar di bawah Akta 709. Pecahan pendaftaran baru Pengguna Data mengikut Golongan Pengguna Data adalah seperti Carta Pai di bawah:

**Carta Pai Menunjukkan Bilangan Golongan Pengguna Data Baru Yang Telah Berdaftar Mengikut Sektor**



- Hartanah
- Insurans
- Jualan Langsung
- Kesihatan
- Komunikasi
- Pajak Gadai
- Pelancongan dan Hospitaliti
- Pemberi Pinjam Wang
- Perkhidmatan
- Pendidikan



# PROSES PENDAFTARAN ATAS TALIAN MELALUI SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI





## PEMBANGUNAN TATAAMALAN

Selain itu, pelantikan beberapa peneraju Forum Pengguna Data juga telah dibuat bertujuan untuk membangunkan Tataamalan selaras dengan peruntukan dibawah seksyen 23 Akta 709. Pembangunan Tataamalan ini memperlihatkan kesungguhan Pengguna Data dalam usaha melindungi dan menjamin keselamatan data peribadi yang berada di bawah kawalannya. Sepanjang tahun 2018, sebanyak tujuh (7) Peneraju Forum Golongan Pengguna Data telah terlibat iaitu :

BIL	GOLONGAN PENGGUNA DATA	PENERAJU
1	Peminjam Wang Berlesen	Malaysian Punjabi Licensed Moneylender Association (MPLMA)
2	Jualan Langsung	Direct Selling Association of Malaysia (DSAM)
3	Pajak Gadai	Persatuan Tuan Punya Pajak Gadai (MPBA)
4	Undang-Undang	Majlis Peguam Negara
5	Utiliti (Air)	Ranhill SAJ Sdn Bhd
6	Telekomunikasi	Maxis Berhad
7	Pengangkutan (Udara)	Malaysia Airline Berhad (MAB)





### **Data Breach Notification**

Peningkatan insiden ketirisan data peribadi di negara ini menyebabkan perlunya satu mekanisme yang teratur dan efisien untuk mengendalikan insiden tersebut. Dalam perkara ini, Subjek Data dan pihak berkuasa berkaitan yang terlibat juga perlu dimaklumkan mengenai insiden ketirisan data peribadi yang berlaku. Kaedah pemakluman yang berdasarkan '*risk-based approach to security*' ini dikenali sebagai *Data Breach Notification (DBN)*.

Prosedur ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang tahap keselamatan data peribadi mereka di mana, sebarang insiden ketirisan data peribadi akan dimaklumkan beserta makluman tentang tindakan dan langkah remedi yang sedang diambil oleh organisasi (Peguna Data) tersebut untuk memulihkan situasi berkenaan.

Bagi Peguna Data, prosedur ini membantu meningkatkan kepercayaan Subjek Data terhadap organisasi mereka kerana mereka dipertanggungjawabkan untuk memaklumkan kepada Subjek Data dan perlu mengambil langkah-langkah remedi dengan segera untuk mencegah insiden tersebut dari berulang dan tersebar ke organisasi lain. Prosedur ini secara tidak langsung merupakan sebahagian daripada amalan tadbir urus yang baik dalam sistem perlindungan data peribadi.

Cadangan untuk melaksanakan prosedur DBN ini telah melalui proses konsultasi awam pada 7 Ogos 2018 sehingga 28 September 2018 dan kini maklum balas yang diterima sedang dianalisa untuk dikemukakan kepada pemegang taruh yang berkaitan untuk dijelaskan, dinilai dan dipersetujui. Terkini, kajian keperluan perundangan dan penetapan penalti sedang dilaksanakan sebelum ia diwartakan sebagai prosedur baru yang perlu dipatuhi oleh pihak Peguna Data.



# PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN AKTA 709

Pemantauan dan penguatkuasaan menjadi sebahagian daripada peranan dan tanggungjawab Pejabat Pesuruhjaya ini dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta 709. Ia merangkumi pelbagai aktiviti seperti pemeriksaan dan pengauditan pematuhan ke atas sistem pengurusan data peribadi yang dikendalikan oleh Pengguna Data, penyiasatan kes aduan dan operasi penguatkuasaan yang dijalankan secara rawak.

## **Pemeriksaan Sistem Data Peribadi (Seksyen 101)**

Pada tahun 2018, sebanyak 38 siri lawatan pemeriksaan telah dijalankan terhadap Pengguna Data berdaftar yang memproses data peribadi. Terdapat peningkatan sebanyak enam (6) siri lawatan pemeriksaan bagi tahun 2018 berbanding 2017. Berikut adalah butiran bagi jumlah lawatan pemeriksaan di bawah seksyen 101 tahun 2018:

**Carta 1: Jumlah Lawatan Pemeriksaan di bawah Seksyen 101 – Mengikut Golongan Pengguna Data (2018)**

Bil.	Sektor	2018
1	Komunikasi	3
2	Perbankan dan Institusi Kewangan	3
3	Insurans	3
4	Kesihatan	5
5	Pelancongan dan Hospitaliti	6
6	Pengangkutan (Udara)	0
7	Pendidikan	3
8	Jualan Langsung	2
9	Perkhidmatan	4
10	Hartanah	4
11	Utiliti (Air)	1
12	Pajak Gadai	2
13	Pemberi Pinjam Wang Berlesen	2
<b>Jumlah</b>		<b>38</b>


Aktiviti pemantauan dilakukan daripada semasa ke semasa ke atas premis Pengguna Data bagi memastikan data peribadi pelanggan dikendalikan dengan betul, selamat dan berintegriti. Audit pematuhan ini adalah bertujuan memberi teguran dan membetulkan amalan yang salah berdasarkan peruntukkan yang terdapat di bawah Akta 709. Melalui pendekatan ini, Pengguna Data akan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam mengendalikan data peribadi pelanggan serta langkah ini akan dapat mengurangkan risiko ketirisan data peribadi dalam sesebuah organisasi.





Graf di bawah menunjukkan jumlah pelaksanaan lawatan pemeriksaan di bawah Seksyen 101 mengikut golongan pengguna data bagi tahun 2018 berbanding 2017.

**Carta 2: Jumlah Lawatan Pemeriksaan di bawah Seksyen 101 - Mengikut Golongan Pengguna Data (2017 – 2018)**



Pada tahun 2018, untuk pertama kalinya, pemeriksaan di bawah seksyen 101 dibuat ke atas Golongan Pengguna Data bagi pajak gadai dan pemberi pinjaman wang berlesen. Selain itu, aktiviti pemeriksaan ke atas golongan Pengguna Data bagi perbankan dan institusi kewangan serta insurans turut dipertingkatkan untuk menilai tahap pematuhan Akta 709 dua (2) golongan pengguna data tersebut.

## Operasi 336 (OPS 336)

Peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) mewajibkan Pengguna Data yang tergolong dalam 13 golongan yang diwartakan untuk berdaftar dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi bagi mendapatkan perakuan pendaftaran dan juga memperbaharui perakuan pendaftaran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan mendaftar dan memperbaharui perakuan pendaftaran adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.

Selain daripada Pemeriksaan Sistem Data Peribadi 101, Operasi 336 merupakan tindakan proaktif Pejabat Pesuruhjaya bagi memastikan Pengguna Data mematuhi peruntukan dibawah Akta 709. Pelaksanaan Operasi 336 terbahagi kepada dua (2) iaitu 336A dan 336B. Operasi 336A bertujuan untuk mengenal pasti Pengguna Data yang perlu berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi tetapi gagal untuk mendaftar. Manakala 336B adalah untuk mengenal pasti Pengguna Data yang telah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi tetapi gagal untuk memperbaharui Perakuan Pendaftaran.

Sepanjang tahun 2018, terdapat 44 buah premis telah diserbu dalam Operasi 336A dan 40 buah premis dalam Operasi 336B menjadikan jumlahnya 84 buah premis. Operasi penguatkuasaan ini dilakukan dari semasa ke semasa merangkumi pelbagai Golongan Pengguna Data bagi memastikan Pengguna Data sentiasa patuh dengan 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang digariskan di bawah Akta 709. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kecekapan dan integriti Pengguna Data dalam mengendalikan data peribadi pelanggan. Jadual di bawah menunjukkan pecahan mengikut Golongan Pengguna Data.


**Pecahan Operasi 336 A dan 336B mengikut Golongan Pengguna Data Tahun 2018**

Golongan Pengguna Data	OPS 336A	OPS 336B
Kesihatan	13	4
Pelancongan dan Hospitaliti	10	10
Pendidikan	2	4
Jualan Langsung dan Pemasaran Langsung	–	1
Perkhidmatan	–	3
Pemberi Pinjam Wang	1	–
Hartanah	18	18
<b>JUMLAH</b>	<b>44</b>	<b>40</b>



Lanjutan daripada penguatkuasaan yang dijalankan, pada tahun 2018 terdapat beberapa kes telah dikenakan tindakan di bawah Seksyen 16(4) iaitu memproses data peribadi tanpa perakuan pendaftaran. Golongan Pengguna Data yang terlibat adalah Pelancongan dan Hospitaliti, Perkhidmatan dan Pendidikan (Institut Pendidikan Tinggi Swasta).

### ***Kes-Kes Yang Telah Dikenakan Tindakan***



## Aduan dan Siasatan

Selain itu, penguatkuasaan Akta 709 juga merangkumi aktiviti siasatan yang diterima melalui kes-kes aduan. Sistem penerimaan aduan atastalian melalui platform yang disediakan di laman sesawang [www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my) telah mula diperkenalkan pada tahun 2016. Kemudahan akses ini memberikan satu lagi ruang kepada Subjek Data (orang awam) untuk mengemukakan aduan secara pantas dan bersistematik.



← → ↻ 🏠 [daftar.pdp.gov.my](http://daftar.pdp.gov.my)

# Selamat Datang

## Sistem Perlindungan Data Peribadi

### Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia



#### Pendaftaran

Pengguna Data

Anda ingin mengumpul serta menggunakan data peribadi. Dapatkan kebenaran dengan mendaftar sebagai ahli pengguna data, seperti termaktub di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709).

[Daftar Sekarang](#)



#### Lapor Aduan

Salah Guna Data

Anda mendapati data peribadi anda disalah gunakan oleh individu atau organisasi tertentu. Lindungilah hak terhadap data peribadi anda. Kemukakan aduan anda bagi kami menjalankan siasatan.

[Lapor Aduan](#)



#### Semak


Status Aduan

Setelah aduan anda diterima, kami terlebih dahulu akan menyemak serta meneliti aduan anda sebelum mendapatkan kelulusan bagi menjalankan siasatan. Anda boleh menyemak status aduan anda disini.

[Semak Status](#)

Berbanding tahun sebelum ini, terdapat peningkatan ke atas jumlah aduan yang diterima oleh PPPDP. Graf di bawah menunjukkan peningkatan jumlah aduan yang diterima sejak tahun 2016.

### ***Jumlah Aduan Diterima Melalui SPDP Online (2016-2018)***



Pada tahun 2018, sebanyak 630 aduan telah diterima melalui aplikasi atas talian. Terdapat trend peningkatan kepada jumlah aduan yang diterima pada setiap tahun di mana pada tahun 2017, peningkatan adalah sebanyak 52.19% (320 aduan) dan pada tahun 2018 peningkatan dicatat sebanyak 49.21% (630 aduan). Peningkatan ini berkait rapat dengan kesedaran masyarakat (Subjek Data) mengenai kepentingan melindungi data peribadi melalui mesej-mesej kesedaran dan program-program yang dilaksanakan.



# PROGRAM KESEDARAN DAN ADVOKASI

Di era revolusi industri 4.0 dan ekonomi digital yang sedang giat membangun, data peribadi merupakan suatu komoditi yang berharga. Justeru, kepentingan untuk melindungi data peribadi amatlah dititikberatkan. Dalam usaha meningkatkan kesedaran, kefahaman dan mendidik Pengguna Data khususnya dan Subjek Data amnya, pelbagai program telah dan sedang diadakan bagi memberi pemahaman dan menggalakkan pematuhan ke atas peruntukkan yang ada di dalam Akta 709. Program kesedaran dan advokasi yang dianjurkan merangkumi pelbagai medium dan sasaran.

## **Persidangan Perlindungan Data Peribadi**

Pada tahun 2018, Pejabat Pesuruhjaya telah menganjurkan sebanyak 17 Persidangan Perlindungan Data Peribadi di seluruh negara bagi menerangkan dengan lebih lanjut mengenai pematuhan Akta 709 dan seterusnya menjadi platform perhubungan di antara Pengguna Data dan Pejabat Pesuruhjaya dalam mengemukakan pandangan dan isu-isu yang dihadapi berkaitan dengan pematuhan Akta 709.



Penganjuran persidangan ini juga melibatkan penceramah daripada pihak lain seperti Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) untuk berkongsi pengalaman dalam mengendalikan pengurusan perlindungan data peribadi. Di samping itu, peserta juga didedahkan dengan ancaman jenayah siber dan komersial melalui penggunaan Internet dan alat telekomunikasi yang semakin canggih seiring dengan perkembangan semasa serta langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan penyalahgunaan data peribadi.


### Senarai Penganjuran Persidangan Perlindungan Data Peribadi Tahun 2018

BIL	TARIKH	TEMPAT	KATEGORI
1.	5/2/2018	Pulau Pinang	Pengguna Data
2.	26/2/2018	Melaka	Pengguna Data
3.	13/3/2018	Sabah	Badan Berkanun
4.	14/3/2018	Sabah	Pengguna Data
5.	23/4/2018	Kuching, Sarawak	Pengguna Data
6.	24/4/2018	Kuching, Sarawak	Badan Berkanun
7.	16/7/2018	Johor Bahru	Badan Berkanun
8.	17/7/2018	Johor Bahru	Pengguna Data
9.	23/7/2018	Melaka	Badan Berkanun
10.	13/8/2018	Putrajaya	Pengguna Data
11.	12/9/2018	Gombak, Selangor	IPTA
12.	24/9/2018	Ipoh Perak	Pengguna Data
13.	29/10/2018	Seberang Perai, Pulau Pinang	Badan Berkanun
14.	30/10/2018	Alor Setar, Kedah	Pengguna Data
15.	7/11/2018	Kuala Terengganu	Pengguna Data
16.	8/11/2018	Kuala Terengganu	Badan Berkanun
17.	21/11/2018	Putrajaya	Sekolah



## Promosi dan Program Advokasi

Pelbagai aktiviti promosi dan publisiti telah dilaksanakan bagi memberi kesedaran dan pemahaman kepada Pengguna Data dan Subjek Data (masyarakat) melalui medium yang berbeza. Penerbitan video Pesanan Khidmat Awam (PKA) telah diedar dan disiarkan di stesen televisyen seperti RTM, Media Prima dan Astro. Selain itu, ia juga telah dimuat naik di media sosial *Facebook* dan saluran *You Tube*.



Selain daripada penyiaran video, terdapat juga program temubual dan penyiaran PKA di stesen-stesen radio nasional dan negeri bagi menyampaikan mesej kesedaran kepada masyarakat berkenaan perlindungan data peribadi. Antara stesen radio yang terlibat adalah Terengganu FM, Kedah FM, Manis FM, Nasional FM dan Sinar FM.

## Penerbitan Bahan-bahan Promosi

Pada tahun 2018, bahan-bahan bacaan juga turut dicetak dan diedarkan untuk maklumat orang ramai dan agensi mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Infomasi yang dicetak merupakan buku kecil yang mengandungi maklumat asas yang perlu diketahui oleh masyarakat dan juga risalah untuk sektor awam sebagai panduan atau amalan terbaik dalam mengendalikan data peribadi.





## Promosi Luaran

Disamping bahan percetakan, promosi luaran juga telah dibuat seperti paparan infografik di badan bas Nadi Putra dan Rapid KL (*bus wrap*) serta paparan video di skrin KLIA (KLIA TV).



## **Aktiviti Turun Padang**

JPDP juga turun padang untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang fungsi dan kepentingan Akta 709. Sepanjang tahun 2018, JPDP telah menyertai lima (5) pameran iaitu di Terengganu, Kulim, Pulau Pinang, Alor Setar dan Jabatan Perdana Menteri. Ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada JPDP dan masyarakat untuk berkomunikasi secara terus dan bertanyakan mengenai perlindungan bagi data peribadi.





# PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN ANTARABANGSA

PPDP telah melaksanakan pelbagai bentuk kursus dan latihan bagi tempoh Januari hingga Disember 2018 bagi meningkatkan kompetensi dan prestasi pegawai di Pejabat Pesuruhjaya ini. Latihan yang dilaksanakan dibahagikan kepada dua (2) bentuk latihan iaitu Kursus Generik dan Kursus Fungsional. Secara keseluruhannya kursus dan latihan yang telah diadakan kepada semua warga PPPDP adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT
<b>GENERIK</b>			
1	Bengkel Pemukiman PPPDP Tahun 2018	18-20 April 2018	Institut Latihan FAMA Port Dickson, Negeri Sembilan.
2	Kursus Keselamatan Pejabat dan Pengurusan Rekod Kerajaan	28-30 September 2018	SEAMEO RECSAM, Gelugor Pulau Pinang.
3	Kursus Teknik Pengurusan Fail Dan Rekod Yang Efektif	12-14 Oktober 2018	Institut Kepimpinan Dan Pembangunan (ILD) Universiti Teknologi Mara, Lebu Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.
4	Kursus Keterampilan Diri	26-28 Oktober 2018	Institut Kepimpinan Dan Pembangunan (ILD) Universiti Teknologi Mara, Tanjung Tualang Perak.
<b>FUNGSIONAL</b>			
5	Penyelarasan Pemahaman Undang-Undang / Akta 709	05-07 Mac 2018	LKIM Bagan Lalang Selangor.
6	Persidangan PDP secara berkala kepada SUK / Pihak Berkuasa Tempatan / Majlis Perbandaran	13 Mac 2018	Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) Sabah.
		24 April 2018	Jabatan Penyiaran (RTM) Negeri Sarawak.
		16 Julai 2018	Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) Johor.
		23 Julai 2018	Jabatan Penyiaran (RTM) Negeri Melaka.

BIL	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT
		12 September 2018	Universiti Islam Antarabangsa (UIA).
		29 Oktober 2018	Politeknik Seberang Perai Pulau Pinang.
		8 November 2018	Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail Terengganu.
7	<i>Cyber Threat Intelligence</i>	7-9 Oktober 2018	Institut Pengurusan Peladang Langkawi, Kedah.
8	ICT- Kursus <i>Microsoft Office Advance</i>	13 November 2018	Pusat Latihan Vendor
9	Kursus <i>Digital Forensic</i>	3-5 Disember 2018	Cyber Security Malaysia, Level 5, Sapura @ Mines, The Mines Resort City, Selangor.







# DIARI 2018



## CERAMAH KESEDARAN SMK PUTRAJAYA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA



## CONFERENCE ON THE NEW ERA IN DATA PROTECTION



## HARI MEDIA SOSIAL @ JPM, AUDITORIUM JPM



## PAMERAN CARING BRIDGE @ PULAU PINANG



## PAMERAN HARI TELEKOMUNIKASI @ ALOR SETAR



## PAMERAN MINDA @ KULIM



## PAMERAN MINDA @ TERENGGANU



## PEMERIKSAAN SEKSYEN 101 - LAWATAN @ KMC



## PEMERIKSAAN SEKSYEN 101 - LAWATAN @ KPJ



## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ JOHOR



## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ MELAKA



## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA





## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ PORT DICKSON



## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ PERAK



## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ PUTRAJAYA



## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ SABAH





## PERSIDANGAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI @ SARAWAK



# LAPORAN KEWANGAN

<b>Laporan Ketua Audit Negara (Sijil Audit Negara)</b>	<b>51</b>
<b>Penyata Kedudukan Kewangan</b>	<b>57</b>
<b>Penyata Pendapatan</b>	<b>58</b>
<b>Penyata Perubahan Ekuiti</b>	<b>59</b>
<b>Penyata Aliran Tunai</b>	<b>60</b>
<b>Nota Akaun</b>	<b>61</b>



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

#### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 12.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawai Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

#### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

#### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.



## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Pesuruhjaya Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Pesuruhjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Pesuruhjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Pesuruhjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi, Pesuruhjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pesuruhjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pesuruhjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Pesuruhjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

## Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Pesuruhjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**MOHD NASRI BIN MOHD NASIR**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
27 JUN 2019





## PENYATA TIMBALAN PESURUHJAYA DAN PENOLONG PESURUHJAYA

Kami **ROSMAHYUDDIN BIN BAHARUDDIN** dan **NOREEN ISZANI BINTI YUSAK** yang merupakan **TIMBALAN PESURUHJAYA** dan **PENOLONG PESURUHJAYA, KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI** pada **31 DISEMBER 2018** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

.....  
NAMA : **ROSMAHYUDDIN BIN BAHARUDDIN**  
GELARAN : **TIMBALAN PESURUHJAYA**

TARIKH : **17 JUN 2019**  
TEMPAT : **PUTRAJAYA**

.....  
NAMA : **NOREEN ISZANI BINTI YUSAK**  
GELARAN : **PENOLONG PESURUHJAYA**


TARIKH : **17 JUN 2019**  
TEMPAT : **PUTRAJAYA**



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Saya, **ROSMAHYUDDIN BIN BAHARUDDIN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI** bagi tahun berakhir **31 DISEMBER 2018**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di ..... *Petrajaya* ..... )  
pada ..... *17 Jun 2019* ..... )



Di hadapan saya,



RESURUHJAYA SUNGAI  
A-W 241  
TAHIR BIN PUTEH  
JABATAN  
PERLINDUNGAN  
DATA PERIBADI  
PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**

		2018	2017
	Nota	RM	RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	120,685	151,644
		<u>120,685</u>	<u>151,644</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Baki Bank		4,327,019	2,508,240
Simpanan Tetap	6	4,259,220	4,111,226
Pendapatan terakru	7	3,040	3,040
Dividen Terakru		3,524	2,121
		<u>8,592,803</u>	<u>6,624,627</u>
<b>Jumlah Aset</b>		<u><b>8,713,488</b></u>	<u><b>6,776,272</b></u>
<b>EKUITI</b>			
Kumpulan Wang Terkumpul		6,790,937	5,298,072
		<u>6,790,937</u>	<u>5,298,072</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai pemiutang lain		-	54,509
Perkhidmatan Auditan Terakru		7,072	6,429
Pendapatan Terdahulu	8	1,894,284	1,417,201
Belanja terakru		21,195	61
		<u>1,922,551</u>	<u>1,478,200</u>
<b>Jumlah Liabiliti dan Ekuiti</b>		<u><b>8,713,488</b></u>	<u><b>6,776,272</b></u>

Nota-nota akaun yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.



**KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

<b>PENDAPATAN</b>		<b>2018</b>	<b>2017</b>
	<b>Nota</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Terimaan Pendaftaran	9	1,707,417	1,624,833
Perkhidmatan	10	93,390	32,460
Pendapatan Faedah	11	34,232	35,840
Hasil Faedah Simpanan Tetap		147,994	80,494
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>1,983,033</b>	<b>1,773,627</b>
 <b>Tolak : PERBELANJAAN</b>			
<b>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</b>			
Promosi		144,901	238,521
Bekalan Pejabat		2,985	9,938
Belanja Pejabat		15,648	41,734
Bantuan Khas Kewangan		11,700	4,000
Belanja Mesyuarat Kerja		5,247	36,472
Belanja Khidmat Perunding		-	10,600
Gaji		201,440	130,130
Elaun dan Tuntutan		12,070	15,184
Sewaan		8,598	8,891
Perkhidmatan Auditan		7,072	11,585
Belanja Pengangkutan		23,408	17,673
Penyelenggaraan Kenderaan		4,831	4,580
Pulangan Balik Hasil		1,760	2,500
Caj Perkhidmatan Bank		726	735
Yuran Persidangan		-	4,556
		<b>440,386</b>	<b>537,098</b>
<b>PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN</b>			
Susutnilai	5	49,182	47,422
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>489,568</b>	<b>584,520</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN</b>		<b>1,493,465</b>	<b>1,189,107</b>

Nota-nota akaun yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**



EKUITI	KUMPULAN WANG TERKUMPUL	JUMLAH
	RM	RM
Pada 1 Januari 2017	4,110,128	4,110,128
Pelarasan Baki Awal Terlaras	(1,163) 4,108,965	(1,163) 4,108,965
Lebih pendapatan tahun semasa <b>Baki Pada 31 Disember 2017</b>	1,189,107 <b>5,298,072</b>	1,189,107 <b>5,298,072</b>
Pada 1 Januari 2018	5,298,072	5,298,072
Pelarasan Baki Awal Terlaras	(600) 5,297,472	(600) 5,297,472
Lebih pendapatan tahun semasa <b>Baki Pada 31 Disember 2018</b>	1,493,465 <b>6,790,937</b>	1,493,465 <b>6,790,937</b>


Nota-nota akaun yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.



**KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	2018	2017
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Lebihan pendapatan tahun semasa	1,493,465	1,189,107
Pelarasan atas:		
Belanja susut nilai	49,182	47,422
Pelarasan cek tak laku	(600)	(1,163)
Pelarasan inventori	1,705	-
<b>Lebihan operasi sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>1,543,752</b>	<b>1,235,367</b>
Pengurangan dalam pendapatan terakru	-	(3,040)
Pertambahan dalam pelbagai pemiutang	(54,509)	54,509
Pertambahan dalam perkhidmatan auditan terakru	643	6,429
Pertambahan dalam pendapatan terdahulu	477,083	4,600
Pengurangan dalam dividen terakru	(1,403)	553
Pertambahan dalam belanja terakru	21,134	61
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi</b>	<b>1,986,701</b>	<b>1,298,478</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>	-	-
Pembelian peralatan pejabat	(19,928)	(7,270)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(19,928)</b>	<b>(7,270)</b>
<b>ALIRAN BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	-	-
<b><i>PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</i></b>	<b>1,966,773</b>	<b>1,291,208</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	6,619,466	5,328,258
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER 2018</b>	<b>8,586,239</b>	<b>6,619,466</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA</b>		
Baki Bank	4,327,019	2,508,240
Simpanan Tetap	4,259,220	4,111,226
	<b>8,586,239</b>	<b>6,619,466</b>

Nota-nota akaun yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.



**KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**1. MAKLUMAT AM**

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang ditubuhkan pada 16 Mei 2011 selepas Parlimen meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709. Akta ini telah mula dikuatkuasakan pada 15 November 2013.

Di bawah Seksyen 61, Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi ditubuhkan untuk membayar perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini. Kumpulan Wang ini dikawal, disenggarakan dan dikendalikan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

JPDP berfungsi sebagai agensi penguatkuasa di bawah KKMM dalam mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh organisasi Pengguna Data dan melindungi kepentingan individu (subjek data) dari sebarang penyalahgunaan dalam pemrosesan data peribadi mereka. Pejabat JPDP terletak di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Aras 6, Kompleks KKMM, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, .Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya.

Penyata Kewangan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana Kumpulan Wang beroperasi.

**2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi bagi tempoh berakhir 31 Disember 2018 telah dibentangkan dan diluluskan secara edaran oleh anggota Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi pada 17 Jun 2019.



### **3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Polisi Pengurusan Kewangan bagi Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi adalah untuk memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk membiayai pelaksanaan aktiviti Kumpulan Wang untuk mericapai objektifnya di samping menguruskan risikonya.

### **4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING**

#### **4.1 PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709).

#### **4.2 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN**

- Perakuan Pendaftaran hanya dikeluarkan setelah bayaran pendaftaran dan bayaran prosesan dijelaskan.
- Pendapatan faedah dari simpanan akaun semasa diiktiraf mengikut asas akruan.
- Pendapatan Faedah dari simpanan tetap diiktiraf pada tarikh matang dan dilaburkan semula (*Capitalised*) secara bulanan.

#### **4.3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

##### **4.3.1 Kos Hartanah, Loji dan Peralatan**

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dicatat pada kos atau penilaian setelah ditolak daripada susut nilainya dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Had nilai aset untuk dipermodalkan adalah RM2,000 dan ke atas untuk setiap item. Sekiranya nilai



aset setiap item kurang daripada RM2,000 dan memerlukan penyenggaraan ia juga akan dipermodalkan.

#### 4.3.2 Susut nilai

Aset tetap disusut nilai atas dasar garis lurus dengan kadar tahunan bagi menghapuskan kos di sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Kadar susutnilai tahunan digunakan seperti berikut:

	%
Kenderaan Bermotor	20
Pelbagai Harta	10

#### 4.4 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki di bank dan simpanan tetap di institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan. Simpanan tetap adalah pelaburan yang dibuat bagi tempoh 12 bulan. Simpanan tetap dengan Maybank Islamic dipermodalkan bersama faedah secara bulanan.

#### 4.5 PERUNTUKAN

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan Wang mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidakpastian yang diambil kira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai matawang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

#### 4.6 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN

Penyediaan penyata kewangan ini mematuhi MPERS yang memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempunyai kesan ke atas pemakaian dasar perakaunan bagi amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh anggaran disemak dan dalam mana- mana tempoh akan datang yang berkenaan.

#### 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KOS	KENDERAAN BERMOTOR RM	PELBAGAI HARTA RM	JUMLAH RM
Pada 1 Januari 2017	223,964	21,676	245,640
Pelarasan	-	-	-
Tambahan	-	7,270	7,270
Pelupusan	-	-	-
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>223,964</b>	<b>28,946</b>	<b>252,910</b>
<b>SUSUT NILAI TERKUMPUL</b>			
Pada 1 Januari 2017	52,258	1,585	53,843
Pelarasan	-	-	-
Tambahan	44,793	2,630	47,423
Pelupusan	-	-	-
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>97,051</b>	<b>4,215</b>	<b>101,266</b>
<b>NILAI BERSIH</b>			
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	<b>126,913</b>	<b>24,731</b>	<b>151,644</b>



<b>KOS</b>	<b>KENDERAAN BERMOTOR RM</b>	<b>PELBAGAI HARTA RM</b>	<b>JUMLAH RM</b>
Pada 1 Januari 2018	223,964	28,946	252,910
Pelarasan	-	(1,705)	(1,705)
Tambahan	-	19,928	19,928
Pelupusan	-	-	-
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>223,964</b>	<b>47,169</b>	<b>271,133</b>

#### **SUSUT NILAI TERKUMPUL**

Pada 1 Januari 2018	97,051	4,215	101,266
Pelarasan	-	-	-
Tambahan	44,793	4,389	49,182
Pelupusan	-	-	-
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>141,844</b>	<b>8,604</b>	<b>150,448</b>

#### **NILAI BERSIH**

<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>82,120</b>	<b>38,565</b>	<b>120,685</b>
------------------------------	---------------	---------------	----------------

#### **6. SIMPANAN TETAP**

	<b>2018</b>	<b>2017</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Simpanan Tetap	4,259,220	4,111,226

Simpanan Tetap akan dilaburkan semula (*Capitalised*) kepada jumlah prinsipal pada setiap bulan mengikut tarikh matang.



## 7. PENDAPATAN TERAKRU

	2018	2017
	RM	RM
Fi Pendaftaran terakru	3,040	3,040

Fi Pendaftaran yang belum diterima setakat 31 Disember 2018 walaupun Perakuan Pendaftaran telah dikeluarkan.

## 8. PENDAPATAN TERDAHULU

	2018	2017
	RM	RM
Fi Pendaftaran terdahulu	1,894,284	1,417,201

Pendaftaran Baharu Perakuan Pendaftaran dan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran yang telah diterima setakat 31 Disember 2018 adalah bagi tempoh 2 hingga 10 tahun. Bayaran pendaftaran untuk tahun kewangan berikutnya diiktiraf sebagai pendapatan terdahulu.

## 9. TERIMAAN PENDAFTARAN

	2018	2017
	RM	RM
Pembaharuan Perakuan Pendaftaran	1,031,734	1,011,200
Pendaftaran Baharu Perakuan Pendaftaran	675,683	613,633
	<b>1,707,417</b>	<b>1,624,833</b>

Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya di bawah Seksyen 16 Akta 709 sah bagi tempoh 24 hingga 120 bulan dari tarikh Perakuan Pendaftaran dikeluarkan.



## 10. CAJ PERKHIDMATAN

	2018	2017
	RM	RM
Salinan Terperaku Sah Perakuan Pendaftaran	93,300	32,340
Penggantian Perakuan Pendaftaran	90	120
	<u>93,390</u>	<u>32,460</u>

- a. Salinan Terperaku Sah Perakuan Pendaftaran yang dimohon secara bertulis oleh Pengguna Data kepada Pesuruhjaya untuk dipamerkan di cawangan-cawangan Pengguna Data.
- b. Penggantian Perakuan Pendaftaran yang dimohon secara bertulis oleh Pengguna Data kepada Pesuruhjaya untuk menggantikan Perakuan Pendaftaran yang hilang atau rosak.
- c. Caj Perkhidmatan dikenakan sekali bagi setiap perkhidmatan.

## 11. PENDAPATAN FAEDAH

	2018	2017
	RM	RM
Dividen bank	34,232	35,840

Dividen bank yang diperoleh daripada simpanan Akaun Semasa Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi.

## 12. PELEPASAN CUKAI

Kumpulan Wang telah diberi status pengecualian cukai bagi pendapatan yang diterima di bawah Akta 709 termasuk faedah ke atas simpanan tetap yang diperoleh Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi untuk tempoh lima (5)



tahun mulai tahun taksiran 2015 sehingga tahun taksiran 2019 di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

### **13. MAKLUMAT KAKITANGAN**

Kumpulan Wang ini mempunyai kakitangannya sendiri seramai lapan (8)-orang. Segala urusan pentadbiran dan kewangan dikendalikan oleh kakitangan Jabatan Perlindungan Data Peribadi dan kakitangan di bawah Kumpulan Wang.

### **14. GANJARAN KAKITANGAN PENGURUSAN UTAMA**

Ganjaran kakitangan Pengurusan Utama JPDP tidak dibayar menggunakan peruntukan KWPDP.



## **PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA**

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia,  
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 Putrajaya, Malaysia

**[www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my)**